

**Agong Dan Raja Permaisuri Tiba Untuk Lawatan Tiga Hari Ke Thailand  
Bernama  
2 Sept, 2013**

BANGKOK, 2 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah tiba di sini hari ini bagi memulakan lawatan negara selama tiga hari ke Thailand.

Pesawat khas yang membawa Seri Paduka berdua berlepas dari Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kira-kira 10.15 pagi (waktu Malaysia) dan mendarat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Thailand di Don Mueang pada pukul 11 pagi (Waktu Thailand).

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua serta delegasi Malaysia disambut Putera Mahkota Thailand, Putera Maha Vajiralongkorn dan Puteri Maha Chakri Sirindhorn.

Ini merupakan lawatan kali ketiga baginda ke negara Asean selepas Indonesia dan Brunei tahun lepas, sejak ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua pada 11 April tahun lepas.

Seri Paduka Baginda diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom yang merupakan Menteri Pengiring.

Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn kemudian memperkenalkan Tuanku Abdul Halim kepada Perdana Menteri Thailand Yingluck Shinawatra dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Tuanku Abdul Halim dan Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn kemudiannya ke pentas khas untuk istiadat sambutan negara dengan tembakan meriam 21 das dilepaskan dan diikuti lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Tuanku Abdul Halim dengan diiringi Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn kemudian memeriksa kawalan keselamatan.

Selepas itu Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berangkat ke Hotel Mandarin Oriental di mana Seri Paduka Baginda akan dipersembahkan dengan Kunci Kota Bangkok oleh Gabenor Kota Bangkok, Sukhumbhand Paribatra.

Persembahan kunci itu adalah istiadat sambutan simbolik untuk setiap ketua negara yang melawat Thailand.

Lewat petang ini, Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah akan berangkat ke Istana Klai Kangwon di Hua Hin.

Raja Bhumibol Adulyadej akan mengurniakan darjah kebesaran 'The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand)' kepada Seri Paduka Baginda manakala darjah kebesaran 'Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of the Chula Chom Klao (Thailand)' kepada Raja Permaisuri Agong.

Esok, Yang di-Pertuan Agong akan menerima menghadap Perdana Menteri Thailand, Yingluck Shinawatra di Hotel Mandarin Oriental.

Pada sebelah petang, Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah akan menghadiri majlis santapan negara di Chakri Throne Hall di Istana Besar, iaitu bangunan kompleks di Bangkok yang menjadi kediaman rasmi Raja Thailand sejak abad ke-18.

Dalam program berasingan, Tuanku Hajah Haminah akan mengadakan lawatan ke Rumah Palang Merah Kanak-Kanak Bangkok dengan diiringi Puteri Maha Chakri Sirindhorn.

Seri Paduka berdua dijangka berangkat ke Vietnam pula pada Khamis untuk melakukan lawatan negara selama tiga hari.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974423>